

Duti anti lambakan kertas cetak import dikecualikan

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Syarikat-syarikat penerbitan dan percetakan tempatan diberi pengecualian duti anti lambakan ke atas newsprint atau kertas cetak yang diimport bagi baki kuantiti yang tidak dibekalkan oleh pengeluar tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini berkata, langkah pengecualian itu akan dapat menjadikan kos dalam industri penerbitan dan percetakan lebih kompetitif.

“Industri media massa menjadi sektor yang semakin penting dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat berpengetahuan,” katanya yang juga Menteri Kewangan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memutuskan demikian bagi membantu industri media massa yang banyak memainkan peranan kepada masyarakat.

Pada Jun lalu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz memberi jaminan kerajaan akan menyiasat dakwaan bahawa

duti anti lambakan ke atas kertas akhbar yang diimport dikatakan mengancam industri penerbitan dalam negara.

Rafidah berkata, beliau juga akan mendapatkan maklum balas daripada syarikat pengeluar tunggal kertas akhbar tempatan, The Malaysian Newsprint Industries Sdn. Bhd. (MNI) sama ada benar kapasiti pengeluaranannya tidak mampu memenuhi keperluan industri tempatan.

Kenyataan Rafidah itu adalah reaksi daripada desakan Persa-

tuan Penerbit-Penerbit Akhbar Malaysia (MNPA) agar kerajaan mengkaji semula langkah mengenakan duti anti lambakan ke atas kertas akhbar yang diimport dari beberapa negara berkuat kuasa 28 Mei lalu.

Pengerusi persatuan berkenaan, Roselina Johari berkata, langkah itu yang diambil susulan daripada petisyen MNI akan menyebabkan kos penerbitan melonjak naik dan ini akan mengancam industri berkenaan khususnya persuratkhabaran negara.